

# TRICODERM OINTMENT

Econazole Nitrate / Triamcinolone Acetonide (1%w/w / 0.1%w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Tricoderm Ointment
2. Bagaimana Tricoderm Ointment berfungsi
3. Sebelum menggunakan Tricoderm Ointment
4. Cara menggunakan Tricoderm Ointment
5. Semasa menggunakan Tricoderm Ointment
6. Kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan dan pelupusan Tricoderm Ointment
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Tricoderm Ointment

Tricoderm Ointment digunakan untuk rawatan topical ekzema, radang kulit dengan jangkitan kulat. Keradangan kulit yang disebabkan oleh yis, fungi dan kulat yang tidak bertindak balik terhadap kortikosteroid kurang kuat.

## Bagaimana Tricoderm Ointment berfungsi

Tricoderm Ointment adalah sediaan kombinasi daripada Econazole, spektrum yang luas dalam mencegah pertumbuhan kulat dan Triamcinolone, topikal kortikosteroid yang berkesan sebagai anti-radang, anti-gatal dan anti-alergi.

## Sebelum menggunakan Tricoderm Ointment

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengguna jika anda hipersensitif kepada imidazole, kortikosteroid atau mana-mana bahan-bahan lain dalam produk ini. Kontraindikasi dalam kes penyakit saluran nafas, infeksi menular seksual atau penyakit kulit akibat virus, atau pembesaran pembuluh darah. Keselamatan pada kehamilan dan penyusuan belum dikemukakan. Jangan menggunakan jika anda hamil atau mungkin hamil kecuali faedah yang dijangkakan melebihi potensi risiko.

### - Sebelum mula menggunakan

Jangan menggunakan untuk merawat apa-apa syarat lain melainkan jika doktor atau ahli farmasi memberitahu anda.

### - Jika menggunakan ubat- ubatan lain

Jangan gunakan produk kulit yang lain di kawasan terjangkit.

## Cara menggunakan Tricoderm Ointment

### - Berapa banyak harus digunakan

Sapukan di atas kawasan terjangkit dua kali sehari sehingga bertambah baik. Teruskan penggunaan sekali sehari atau kurang kerap untuk permulihan seterusnya.

### - Bila perlu digunakan

Anda perlu mengikut dos yang disyorkan dan tidak patut mengguna lebih daripada dos yang ditetapkan.

### - Berapa lama perlu digunakan

Jika tiada permulihan diperhatikan dalam 1 minggu, anda perlu hentikan penggunaan dan rujuk kepada doktor.

### - Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa guna Tricoderm Ointment, gunakannya apabila anda teringat.

### - Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Tiada penawar khusus boleh didapati. Sekiranya tersalah makan secara berlebihan, anda harus di bawah permerhatian dan dirawat mengikut keadaan. Hubungi doktor atau hospital terdekat dengan segera untuk nasihat rawatan.

## Semasa menggunakan Tricoderm Ointment

### - Perkara yang perlu dilakukan

Periksa dengan doktor anda jika simptom berlarutan atau bertambah teruk.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan ambil ubat ini untuk keadaan lain kecuali diarahkan oleh doktor anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan penggunaan yang berpanjangan atas muka.

Elakkan berpakaian balut ke bahagian besar badan kerana peningkatan risiko penyerapan sistemik.

## Kesan Sampingan

Kadang-kadang kulit sensitif boleh berlaku. Reaksi tempatan termasuk rasa seperti terbakar dan kerengsaan dilaporkan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

## Cara Penyimpanan dan Pelupusan Tricoderm Ointment

### *Penyimpanan*

- Simpan di bawah 30°C.
- Jauhkan daripada cahaya.
- Jauhkan daripada capaian kanak-kanak

### *Pelupusan*

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput. Tarikh luput selalunya dicetak pada label dan kotak ubat.

## Maklumat lanjut

### *Rupa dan warna produk*

Tricoderm Ointment adalah salap putih licin yang tidak berminyak.

### *- Bahan-bahan*

- Bahan-bahan aktif  
Econazole Nitrate 1%w/w  
Triamcinolone Acetonide 0.1%w/w
- Bahan-bahan tidak aktif  
Benzyl alcohol, Isopropyl Myristate, Cetomacrogol emulsifying wax, White Soft Paraffin, Butylated Hydroxytoluene, Cetostearyl Alcohol, Hydrogenated Polyisobutene, PEG-40 Hydrogenated Castor Oil, Hard Paraffin Wax, Propylene Glycol, N-methyl- 2-pyrrolidone, Menthol

### *- MAL Number:*

MAL08031391AZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

WINWA MEDICAL SDN. BHD.  
1952, Lorong I.K.S. Bukit Minyak 3,  
Taman I.K.S. Bukit Minyak,  
14000 Bukit Mertajam,  
Pulau Pinang, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

25/09/2017

Nombor siri:

NPRA(R4/1)210917/00253